

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	17 FEBRUARY 2017

Skandal BNM: Siasat juga akaun peribadi

Umm - 17/2/2017

KUALA LUMPUR 16 Feb. - Pasukan petugas yang ditubuhkan bagi menyiasat kerugian urus niaga mata wang asing oleh Bank Negara Malaysia (BNM) pada awal 90-an perlu menyemak akaun bank peribadi individu-individu yang dikaitkan dengan aktiviti tersebut, jika mahu penubuhan pasukan itu benar-benar berkesan.

Bekas Pengurus Kanan Jabatan Ekonomi BNM, Dr. Rosli Yaakop yang pernah membangkitkan isu berkenaan hampir 10 tahun lalu berkata, ini kerana aktiviti tersebut mungkin dilakukan hasil desakan beberapa pihak yang mahu menjana kekayaan menggunakan aset negara secara langsung atau tidak langsung.

Katanya, cadangan itu boleh melibatkan beberapa individu yang berkuasa pada masa tersebut termasuklah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Menteri Kewangan ketika itu, Datuk Seri Anwar Ibrahim jika pasukan berkenaan dibenar berbuat demikian.

"Tiada pihak pernah mengeluarkan dakwaan aktiviti itu memberi keuntungan secara peribadi terhadap sesiapa. Namun saya merasakan usaha kerajaan untuk menyiasat semula perkara ini mungkin boleh menumpukan bagaimana aktiviti ini menguntungkan individu tertentu," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Kabinet semalam bersetuju menubuhkan sebuah pasukan petugas untuk menjalankan siasatan awal berhubung kerugian urus niaga mata wang asing itu. Pasukan itu akan dianggotai oleh pelbagai agensi kerajaan termasuk individu yang dihormati dan berpengalaman dalam bidang-bidang tertentu.

Perkembangan itu dibuat su-

sulan dakwaan bekas Penolong Gabenor BNM, Datuk Abdul Murad Khalid pada 26 Januari lalu, yang mendedahkan BNM mengalami kerugian lebih AS\$10 bilion (RM44 bilion) akibat dagan-gan mata wang asing iaitu lebih tinggi daripada nilai yang dilaporkan mengikut buku laporan BNM antara 1991 hingga 1994.

Rosli berkata, Dr. Mahathir dan dua bekas Menteri Kewangan iaitu Anwar dan Tun Daim Zainuddin serta Tan Sri Nor Mohamed Yakcop yang kini merupakan Timbalan Pengerusi Khazanah Nasional Bhd. juga dilihat wajar disoal siasat memandangkan beliau berkhidmat bersama BNM dalam tempoh yang sama.

Beliau yang kini merupakan pakar ekonomi Pas berkata, aspek penyalahgunaan kuasa atau pelanggaran undang-undang perbankan pada masa itu perlu diberi perhatian bagi menentukan siapakah sebenarnya yang bersalah.

"Siasatan ini perlu untuk mengesahkan siapa individu terbabit dan bagaimana aturan aktiviti ini ditentukan. Memang benar beberapa pegawai BNM telah dihentikan pada waktu tersebut, namun siasatan semula akan merungkai arahan atau tanggungjawab siapa yang membenarkan aktiviti itu," katanya.

Namun katanya, masih awal lagi untuk menentukan bagaimana siasatan itu akan memberi impak terhadap persepsi masyarakat asing serta pelabur kepada ekonomi tempatan," katanya.

Sementara itu BNM dalam satu kenyataan berkata, pihaknya akan memberikan kerjasama sepenuhnya kepada pasukan petugas khas yang ditubuhkan oleh Kabinet bagi menyiasat kerugian tersebut.